



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

SEMPENA

MAJLIS ANUGERAH SYARIKAT TERBAIK KKLW TAHUN 2016

HOTEL PREMIERA, KUALA LUMPUR

**18 SEPTEMBER 2017 (ISNIN)
WAKTU KETIBAAN : 8.00 MALAM**

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Tuan / Puan Pengacara Majlis.

KATA-KATA ALUAN

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamua'laikum dan Salam Sejahtera,

Salam 1 Negeraku Sehati Sejiwa,

YB Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub
Timbalan Menteri KKLW,

Yang Berbahagia Datuk Borhan bin Dolah
Ketua Setiausaha
Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah,

Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian,

Ketua-ketua Agensi,

Pengerusi-pengerusi Agensi dan Anak Syarikat,

Ketua-ketua Pegawai Eksekutif,
Pengurusan Tertinggi Syarikat,

Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian.

1. Alhamdulillah, segala puji bagi Allah S.W.T kerana dengan limpah izin-Nya, maka dapat kita berada di dalam satu majlis untuk meraikan dan memberi pengiktirafan terhadap pencapaian yang telah ditunjukkan oleh semua anak syarikat milik agensi di bawah KKLW sepanjang tahun 2016.

2. Saya percaya majlis sebegini merupakan suatu bentuk dorongan atau motivasi yang baik bagi semua anak syarikat untuk terus meningkatkan prestasi masing-masing. Pada masa yang sama, majlis ini juga dapat menyatukan kita dalam semangat sebagai sebuah keluarga besar KKLW.

Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan,

3. Hasil daripada pelaksanaan dasar fiskal yang mampan dan pelaburan dalam pelbagai projek strategik oleh kerajaan telah memacu ekonomi Malaysia mencapai kadar pertumbuhan 4.5% bagi suku ke-4 tahun 2016 atau secara keseluruhannya pada kadar 4.2%. Momentum pertumbuhan ekonomi ini berterusan hingga mencapai kadar 5.6% bagi suku pertama tahun 2017. Ini menunjukkan bahawa pengurusan ekonomi Malaysia berada pada landasan yang tepat.

4. Pertumbuhan yang baik ekonomi Malaysia ini telah memberi kesan yang positif terhadap prestasi anak syarikat. Secara umumnya saya boleh katakan bahawa prestasi yang ditunjukkan oleh anak syarikat milik agensi di bawah KKLW bagi tahun 2016 adalah lebih baik berbanding 2015.

5. Sungguhpun nilai perolehan keseluruhan syarikat sebanyak RM3.374 bilion adalah berkurangan berbanding RM3.649 bilion pada 2015, tetapi jumlah keuntungan selepas cukai (PAT) mencatatkan peningkatan sebanyak 863% kepada RM131.829 juta pada 2016 berbanding hanya RM13.680 juta pada tahun sebelumnya. Jumlah syarikat yang menjana keuntungan juga turut bertambah.

6. Kluster perladangan merupakan kluster yang paling menonjol dengan nilai perolehan RM1.69 bilion dengan menjana keuntungan sebanyak RM75.35 juta. Prestasi ini berkait rapat dengan kenaikan harga komoditi di samping amalan 'Good Agricultural Practices' (GAP) yang dilaksanakan dengan berkesan.

Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan,

7. Seperti mana yang saya katakan semasa Sesi Retreat Anak Syarikat KKLW pada 23 Januari 2017 yang lalu, bahawa cabang perniagaan sedia ada perlu dikekalkan, dengan memberi keutamaan kepada *core business* agensi supaya matlamat penubuhan syarikat tidak tersasar. Kita perlu memberi tumpuan kepada bidang yang kita mempunyai kepakaran dan kemahiran.

8. Ini termasuklah memberi fokus kepada industri hiliran yang bersesuaian untuk melengkapkan ekosistem yang menyeluruh. Syarikat di bawah RISDA misalnya, boleh meneroka pembuatan perabot berasaskan kayu getah, memandangkan mereka adalah pengeluar utama kayu getah negara. Manakala FELCRA pula, penerokaan perniagaan perlu menjurus kepada bidang *oleo-chemical* berasaskan sawit seperti penghasilan santan, sabun, kosmetik dan sebagainya.

9. Di samping itu juga, kita perlu mencipta lebih banyak peluang pekerjaan untuk masyarakat di luar bandar. Melalui pelaburan di kawasan ini, kita dapat mengoptimumkan penggunaan sumber bahan mentah dan tenaga kerja yang ada.

Malahan aktiviti perniagaan ini mampu menarik semula penduduk untuk kembali bekerja di kampung halaman dan menambahkan bilangan usahawan. Dengan cara ini, selain membantu meningkatkan taraf sosioekonomi penduduk, pihak syarikat juga dapat beroperasi dengan kos yang lebih efektif.

10. Saya telah mengatakan bahawa kita boleh membina kekuatan sekiranya kita bergerak sebagai satu entiti KKLW, di mana kita akan mempunyai kuasa permintaan yang besar dalam merundingkan tawaran input harga dan menikmati operasi berskala besar. Susulan daripada itu, gerak kerja telah dimulakan dengan termeterainya MoU kerjasama antara anak-anak syarikat milik agensi di bawah KKLW bagi Fasa 1 pada 14 April 2017.

11. Pencapaian yang memberangsangkan hasil daripada kerjasama ini telah mendorong kepada pelaksanaan MoU Fasa 2 yang akan diadakan pada 28 September 2017 ini melibatkan 34 syarikat daripada Kluster Pendidikan, Pelaburan, Hartanah dan Perkhidmatan.

Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan,

12. Perubahan ekonomi masa kini menunjukkan bahawa ekonomi digital dan *internet of things* (IoT) merupakan teras pengurusan perniagaan masa hadapan. Kepantasan teknologi internet dan pelbagai aplikasi atas talian mampu membawa syarikat ke tahap yang lebih tinggi dalam dunia perniagaan.

13. Sebagai langkah merangka strategi jangka panjang, kita perlu mewujudkan model perniagaan yang bersesuaian termasuk mengambil kira hala tuju meliputi pelbagai dimensi perniagaan. Ini termasuklah perkembangan Revolusi industri 4.0 di mana kerajaan sentiasa berusaha memastikan ekonomi Malaysia terus dipacu pada tahap tertinggi. Komitmen kerajaan ini ditunjukkan menerusi pendekatan gagasan Transformasi Nasional 2050 atau TN50 di mana pandangan pelbagai *stakeholders* diambilkira dalam merangka strategi perniagaan.

14. Dalam merealisasikan hasrat tersebut, inovasi dan kreativiti syarikat amat penting untuk kekal bersaing dan relevan. Saya berharap anak-anak syarikat mempersiapkan diri dalam menghadapi cabaran-cabaran baru perniagaan. Kita akan ketinggalan jika kita masih mengekalkan cara kerja lama dan gagal menyesuaikan diri dengan perubahan.

Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan,

15. Dalam menguruskan syarikat, kita tidak boleh lari daripada CAT iaitu 'Corporate Governance, Accountability and Transparency'. Beberapa teguran yang telah diberikan oleh Jabatan Audit Negara (Audit) berkenaan tadbir urus korporat, pengurusan kewangan, perolehan syarikat dan sebagainya perlu diberikan perhatian serius.

16. Bagi memastikan teguran audit ini tidak berulang lagi pada masa hadapan, saya mahu tindakan yang tegas diambil bagi setiap ketidakpatuhan yang dikenalpasti. Pada masa yang sama, latihan kepada anggota syarikat perlu dipertingkatkan dan diperkemaskan serta dipantau oleh CEO dan pengurusan tertinggi syarikat.

17. Kementerian akan mengeluarkan Buku Tadbir Urus Korporat dan Garis Panduan Ahli Lembaga Pengarah Syarikat Di Bawah KKLW dalam masa terdekat yang diselaraskan dengan Akta Syarikat 2016 serta Kod Tadbir Urus Korporat terkini. Kursus Corporate Directors Leadership & Integrity (CDLI) juga akan ditambahbaik dengan kerjasama INTAN bagi membolehkan lebih ramai pengurusan tertinggi syarikat terlibat.

Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan,

18. Pada malam ini, kita akan menyaksikan syarikat yang terbaik di antara 56 syarikat di bawah Kategori Modal Berbayar Kurang RM5 juta dan 35 syarikat di bawah Kategori Modal Berbayar RM5 juta ke atas. Penilaian peringkat akhir melibatkan pemilihan 3 syarikat terbaik daripada 10 syarikat yang disenaraipendekkan bagi setiap kategori.

19. Sebagai suntikan semangat kepada semua syarikat, pada majlis anugerah kali ini buat julung kalinya saya telah memperkenalkan Anugerah Khas YB Menteri KKLW sebagai penghargaan kepada syarikat yang telah menunjukkan lonjakan prestasi yang tinggi serta banyak menyumbang dalam program CSR kepada masyarakat. Pada tahun hadapan, saya ingin mencadangkan agar kategori CEO Terbaik pula diwujudkan.

20. Menyentuh penglibatan syarikat di bawah program CSR, saya ingin mengucapkan penghargaan kepada semua anak syarikat di bawah Kementerian dan juga GLC yang telah menyumbang untuk pembaikan Tabika KEMAS pada tahun 2016. Saya difahamkan semua sasaran yang ditetapkan bagi pembaikan ini akan dapat disiapkan sebelum penghujung tahun ini. Begitu juga dengan sumbangan kepada Tabung Amanah Baktidesa KKLW. Diharapkan agar sumbangan ini akan berterusan dan dapat ditingkatkan lagi dari semasa ke semasa.

21. Akhir kata, saya merakamkan penghargaan dan tahniah kepada bakal penerima Anugerah Syarikat Terbaik KKLW bagi tahun 2016 pada malam ini dan

mendoakan agar semua syarikat terus berusaha lebih keras supaya kekal berdaya maju, dan berdaya saing serta berjaya mencapai KPI yang ditetapkan untuk tahun hadapan. Kejayaan semua syarikat akan menjadi kejayaan agensi secara khususnya dan kementerian secara amnya.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim maka saya merasmikan Majlis Anugerah Syarikat Terbaik KKLW Tahun 2016

Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.